

06 SEP 2002

Bunyamin-Hospital

BUNYAMIN DIMASUKKAN KE HOSPITAL KOTA BAHARU

BACHOK, 6 Sept (Bernama) -- Pegawai Penerangan PAS Kelantan Bunyamin Yaacob yang akan didakwa di mahkamah kerana kenyataan memfitnah terhadap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kini dirawat di Hospital Kota Baharu.

Seorang anak perempuan Bunyamin yang enggan namanya disiarkan berkata bapanya dimasukkan ke hospital itu semalam kerana demam dan muntah-muntah.

Bapanya dihantar ke hospital oleh seorang daripada isterinya yang tinggal di Kampung Bukit Marak dekat Kota Baharu, katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Keting, Gunung dekat sini, hari ini.

Beliau berkata bapanya juga menghidap penyakit kencing manis.

Jurucakap hospital itu ketika dihubungi mengesahkan Bunyamin, 56, dimasukkan ke Wad 10 hospital itu sejak semalam kerana mengalami muntah-muntah.

Semalam, Pejabat Peguam Negara menyatakan Pendakwa Raya berpuas hati dengan bukti bahawa Bunyamin jelas memfitnah Perdana Menteri selepas mengkaji secara mendalam kertas siasatan yang dikemukakan polis.

"Arahan sudah dikeluarkan kepada polis untuk membawa Bunyamin ke mahkamah dan akan didakwa oleh Bahagian Pendakwaan Pejabat Peguam Negara," menurut kenyataan Pejabat Peguam Negara.

Pada 15 Mac lepas, Bunyamin yang juga bekas Anggota Parlimen Bachok ketika berceramah di Pusat Tarbiyah Islamiah Kelantan (Putik), Pengkalan Chepa, Kelantan dilaporkan sebagai berkata bahawa Dr Mahathir menonton video lucah bersama cucu lelakinya tetapi Perdana Menteri menyifatkan tuduhan itu sebagai satu pembohongan.

Petikan ceramahnya disiarkan Radio Televisyen Malaysia (RTM) baru-baru ini. Pelbagai pihak termasuk di Kelantan, Kedah dan Terengganu turut membuat aduan polis terhadap Bunyamin.

-- BERNAMA

BD RHM